‘ATAQAH KUBRA

عتاقة كبرى

Oleh:
al-‘Allamah Syeikh Muhammad Soleh Kamal al-Makki
Syeikhul-‘Ulama’ di Makkah al-Mukarramah
(w. 1322 H)

Terjemahan dan olahan:
al-‘Allamah Syeikh Muhammad Mukhtar bin ‘Atarid al-Bogori
(w. 1349H)

Transliterasi dan tahkik:
Mohd. Khafidz bin Soroni

Jun 2016

MUQADDIMAH

بسم الله وبه نستعين،

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله، وعلى آله وصحبه ومن اهتدى بهداه،

وبعد:

Kalimah ‘*ataqah* bermaksud kemerdekaan, kebebasan atau kelepasan. Menurut Syeikh Muhammad Mukhtar bin ‘Atarid al-Bogori, *‘ataqah* ialah ‘perkara yang jadi sebab merdeheka daripada api neraka’. Ia disifatkan sebagai *Kubra*, iaitu besar atau agung kerana peri pentingnya amalan ini dan perlu diberi perhatian oleh setiap orang.

‘*Ataqah* yang dimaksudkan oleh beliau dalam risalah ini ialah amalan membaca surah al-Ikhlas (قل هو الله أحد). Istilah ‘*ataqah* ini nampaknya sudah masyhur tersebar di kalangan ulama dalam kurun ke-13 dan 14 Hijrah. Terdapat banyak hadis tentang kelebihan surah al-Ikhlas, namun dalam risalah ini khusus dibawakan hadis-hadis yang berkaitan dengan ganjaran tempat di syurga dan kelepasan daripada api neraka.

Cetakan dan Tarikh

‘*Ataqah Kubra* ini telah dicetak di tepi risalah ‘*al-Wahbah al-Ilahiyyah fi Bayan Isqat ma ‘ala al-Mayyit min al-Huquq wa as-Siyam wa as-Solah* – Pada Bicara Fidyah Sembahyang dan Puasa dan Lain Lagi’ yang disusun oleh Syeikh Muhammad Mukhtar bin ‘Atarid al-Bogori. ‘*Ataqah Kubra* ini selesai diterjemah oleh beliau pada tahun 1330 H.

Risalah *al-Wahbah al-Ilahiyyah* dan ‘*Ataqah Kubra* ini telah dicetak oleh Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi di Mesir pada tahun 1345 H, dan oleh Matba‘ah Hijjazi di Mesir atas nafkah ‘Umar ‘Abd al-Karim al-Baz di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1373 H.

Penyusun Asal

Penyusun asal ialah Syeikh Muhammad Soleh Kamal bin Siddiq Kamal al-Makki al-Hanafi as-Syazili (1263 – 1322H). Beliau

adalah mufti Mazhab Hanafi di Makkah al-Musyarrafah dan juga disebut sebagai Syeikhul-‘Ulama’ di Makkah pada masa itu.

Antara karyanya ialah; kitab *al-Qaul al-Mukhtasar al-Mufid li Ahl al-Insaf fi Bayan ad-Dalil li ‘Amal Isqat as-Solah wa as-Saum al-Masyhur ‘inda al-Ahnaf*, (الحماسة السنية في الرحلة العلمية), (عذب المنهل), (تصحيح الأغاني), (إحقاق الحق حاشية على لامية العرب لعاكش اليمني) dan lain-lain. (lihat *Faidh al-Malik al-Wahhab* oleh Syeikh ‘Abd as-Sattar as-Siddiqi al-Hindi al-Hanafi, w. 1355H)

Penterjemah ‘*Ataqah*

Manakala penterjemah ialah Syeikh Muhammad Mukhtar bin ‘Atarid al-Bogori al-Jawi al-Makki (1287 – 1349H), ulama tersohor Mazhab Syafii di Makkah al-Mukarramah pada zamannya. Berasal dari Bogor, Indonesia.

Antara karyanya selain *al-Wahbah al-Ilahiyyah* dan ‘*Ataqah Kubra* ialah (اعتقاد أهل السنة والجماعة), (الموارد في شيوخ ابن عطارد), (جمع مختصر الدر المنيف في شرح الورد), (الدعائم العظام), (الشوارد من مرويات ابن عطارد اللطيف) dan lain-lain. (lihat *Tasynif al-Asma‘* oleh Dr. Mahmud Sa‘id Mamduh)

رحمهما الله تعالى

SURAH AL-IKHLAS



Maksudnya:

1. "Katakanlah (wahai Muhammad): Dia (Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa;
2. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk memohon sebarang hajat;
3. Ia tiada beranak, dan tidak pula diperanakkan;
4. Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa dengan-Nya".

NAS *‘ATAQAH KUBRA*

Kata al-‘Allamah al-Faqih Syeikh Muhammad Mukhtar bin ‘Atarid al-Bogori رحمه الله تعالى :

Faedah:

Ini satu faedah pada menyatakan *‘ataqah*, yakni perkara yang jadi sebab merdeheka daripada api neraka.

Telah naqal (menukilkan) Syeikh Muhammad Soleh Kamal bin Siddiq Kamal, Syeikhul-‘Ulama’ di Makkah al-Musyarrafah pada masa ini daripada Syeikh ‘Ala’uddin (Ibnu ‘Abidin al-Hanafi, w. 1306 H). Demikian hasilnya, tiada sayugianya bagi manusia bahawa lalai ia daripada *‘ataqah* yang telah ma‘ruf (dikenali) dan masyhur pada orang yang banyak, iaitu membaca (قل هو الله أحد).

Maka, sungguhnya telah datang padanya beberapa hadis yang amat banyak.

(Hadis 1)

Setengah daripadanya, barang yang telah meriwayatkan akan dia oleh Imam Ahmad bin Hanbal رحمه الله تعالى di dalam kitab *Musnad*nya daripada Mu‘az bin Anas al-Juhani RA daripada Nabi SAW sabdanya:

((مَنْ قَرَأَ: "قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ" إحدى عَشْرَةَ مَرَّةٍ، بَنَى اللَّهُ لَهُ بيتاً فِي الْجَنَّةِ)).

Ertinya: Telah bersabda Nabi SAW: “Barangsiapa membaca (قل هو الله أحد) sebelas kali, nescaya Allah Taala perbuat baginya satu rumah di dalam syurga”. Maka, bersabda Saidina ‘Umar bin al-Khattab: “Apabila seperti demikian, maka kami banyakkan akan dia, hai Rasulullah”. Maka bersabda Rasulullah SAW: (اللهُ أَكْبَرُ وَأَطْيَبُ), ertinya: “Bermula Allah itu yang Amat Besar dan yang Amat Elok”.[1]

---

[1] Lafaz hadis yang ditemukan di dalam *Musnad Ahmad* sedikit berbeza - tanpa mengubah makna - sepertimana berikut:

((مَنْ قَرَأَ: قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ حَتَّى يَخْتِمَهَا عَشْرَ مَرَّاتٍ، بَنَى اللَّهُ لَهُ قَصْرًا فِي الْجَنَّةِ، فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: إِذًا نَسْتَكْثِرَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اللَّهُ أَكْثَرُ وَأَطْيَبُ)).

(Hadis 2)

Dan setengah daripadanya, barang yang diriwayatkan oleh Tabarani daripada Fairuz ad-Dailami RA:

أنَّ النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((مَنْ قرأ: "قُل هُو الله أحد" مائة [مرة] في الصلاة أو غيرها، كتبَ الله له براءة منَ النار)).

Ertinya: Bahawasanya Nabi SAW bersabda ia: “Barangsiapa membaca (قل هو الله أحد) seratus kali di dalam sembahyang atau lainnya, nescaya Allah Taala suratkan baginya kelepasan daripada api neraka”.[2]

Bilangan yang disebutkan adalah “sepuluh kali”. Dalam versi cetakan Matba‘ah Hijjazi juga disebut: (عَشْرَ مَرَّاتٍ) sepuluh kali, sama seperti dalam kitab *Musnad*.

Kata al-Hafiz al-Haithami: “Diriwayatkan oleh at-Tabarani dan Ahmad…, dan pada sanad kedua-duanya ada Risydin bin Saad dan Zabban yang kedua-duanya adalah daif, namun ada mendapat sedikit kepercayaan (توثيق لين)”. Bagaimanapun, riwayat Risydin disokong (*mutabi‘*) oleh Ibn Lahi‘ah, maka masalah hanya tinggal pada Zabban. Imam as-Suyuti di dalam kitabnya (الجامع الصغير) juga mengisyaratkannya sebagai daif.

Manakala, lafaz di atas yang menyatakan bilangan “sebelas kali” terdapat dalam riwayat Khalid bin Zaid RA dan Ibn ‘Umar RA sepertimana berikut:

١- حديث خالد بن زيد: ((من قرأ "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ" إحدى عشرة مرةً بنى الله لهُ قصراً في الجنة، قال عمر: إذا نُكثر. قال: الله أمن وأوسعُ أو أفضلُ وأوسع)). أخرجه أبو موسى المديني من حديث حُسين بن أبي زينب عن أبيه عنه. وقال أبو موسى: ذكر بعض أصحابنا أنه غير أبي أيوب الأنصاري. (كذا في جامع المسانيد والسنن لابن كثير الدمشقي)

٢- حديث ابن عمر: ((من قرأ "قل هو الله أحد" إحدى عشرة مرة بنى الله له قصراً في الجنة. فقال عمر: والله يا رسول الله إذن نستكثر من القصور، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: فالله أمن وأفضل – أو قال: أمن وأوسع)). أخرجه أبو الشيخ. (كذا في الدر المنثور)

Hadis Mu‘az bin Anas RA telah disahihkan oleh Syeikh al-Albani dalam (صحيح الجامع), dihukumkan *hasan li-ghairih* olehnya dalam (سلسلة الأحاديث الصحيحة) dan didaifkan olehnya dalam (ضعيف الترغيب والترهيب)! Kemungkinan hukum *hasan li-ghairih* adalah lebih tepat berdasarkan riwayat-riwayat sokongannya.

[2] Sanadnya daif. Kata al-Hafiz al-Haithami: “Diriwayatkan oleh at-Tabarani dan padanya ada Muhammad bin Qudamah al-Jauhari, dan dia adalah daif”. Imam as-Suyuti di dalam kitabnya (الجامع الصغير) juga mengisyaratkannya sebagai daif.

(Hadis 3)

Dan diriwayatkan daripada Bazzar daripada Anas bin Malik RA daripada Nabi SAW:

((مَن قرأ: "قل هو الله أحد" مائة ألف مرة، فقد اشترى نفسه منَ الله. ونادى منادٍ مِن قبل الله تعالى في سمواتِهِ وفي أرضِهِ: ألاَ إن فلاناً عتيق الله، فمَن له قبله تباعة – أي حقّ – فليأخذها منَ الله عز وجل)).

Ertinya: "Barangsiapa membaca ia akan (قل هو الله أحد) seratus ribu kali, maka sungguhnya telah membeli akan dirinya daripada Allah Taala. Dan menyuruh Allah Taala akan satu orang yang menyeru di dalam langit dan di dalam bumi dengan katanya: Ingat-ingat sekalian kamu, bahawasanya si fulan pemerdekaan Allah Taala, barang yang ada baginya hak pada itu orang, maka hendaklah mengambil ia akan dia daripada Allah 'azza wajalla".[3]

(Ulasan)

Berkata Syeikh 'Ala'uddin: "Dan ditanggungkan ini hadis atas orang yang hasil baginya membaca sekadar ini bilangan di dalam

[3] Meskipun dinyatakan ia riwayat al-Bazzar daripada Anas bin Malik RA, namun matannya tidak dapat ditemukan di dalam *Musnad al-Bazzar*. Imam Ibnu 'Ata'illah as-Sakandari di dalam kitabnya (القصد المجرد في معرفة الاسم المفرد) juga menyandarkannya kepada riwayat al-Bazzar daripada Anas bin Malik RA.

Riwayat Anas RA yang ditemukan hanya menyebut rangkap awal hadis sahaja, seperti yang dicatatkan oleh Imam as-Suyuti di dalam kitab (الدر المنثور), namun dengan bilangan "1,000 kali" dan bukan "100,000 kali". Matannya:

((من قرأ "قل هو الله أحد" ألف مرة، فقد اشترى نفسه من الله، وهو من خاصة الله)) أخرجه الحافظ أبو محمد الحسن بن أحمد السمرقندي في فضائل قل هو الله أحد من طريق دينار عن أنس.

Hadis yang hampir serupa juga disebutkan oleh Imam as-Suyuti di dalam kitabnya (الجامع الصغير) daripada hadis Huzaifah RA dengan lafaz:

((من قرأ " قل هو الله أحد " ألف مرة، فقد اشترى نفسه من الله)) أخرجه الخيارجي في فوائده عن حذيفة.

Al-Hafiz az-Zabidi di dalam kitab *Ithaf as-Sadah* membawakan sebuah hadis lain sebagai sokongan yang dikeluarkan oleh Ibn 'Asakir daripada riwayat Aban daripada Anas RA:

((وإن قرأها ألف مرة لم يمت حتى ترى مكانه من الجنة أو يرى له)).

seumurnya sekaliannya atau dibacakan orang baginya dengan niat yang ikhlas".

Dan bermula barang yang berlaku atasnya amal ahli syariat dan ahli tasawuf itu, iaitu menunjukkan akan bahawasanya yang dikehendak daripada seupama demikian hadis itu, iaitu barang yang melengkapi amal sendiri dan menggantikan orang lain. Dan demikian pula amal kebanyakan manusia (لا إله إلا الله) tujuh puluh ribu. Dan telah mengelokkan akan dia oleh ulama.

Maka, berkata Syeikh 'Ala'uddin: Dan telah diriwayatkan pada hadis:

((من قالها سبعين ألف مرة كانت فداءه من النار)).

Ertinya: "Barangsiapa membaca (لا إله إلا الله) tujuh puluh ribu, nescaya adalah ia itu tebusannya daripada api neraka".[4]

***Tanbih*: Ini satu peringatan**

Ketahui olehmu, bahawasanya tiada harus meninggalkan sembahyang kerana berpegang atas ini fidyah dan *'ataqah*, seperti tiada harus meninggalkan akan dia kerana berpegang atas qadha'. Dan tiada harus bagi seorang memudahkan atas *ada'* dan qadha' kerana berpegang atas yang tersebut. Dan jikalau berwasiat ia dengan demikian itu sekalipun, tetap wajib atasnya memperbuat qadha' selama dia hidup dan jika tiada diperbuat, nescaya berdosa ia.

Telah hamba naqal ini faedah daripada kitab *al-Qaul al-Mukhtasar al-Mufid li Ahl al-Insaf fi Bayan ad-Dalil li 'Amal Isqat*

---

[4] Tiada sumber asal yang ditemukan. Namun, kelebihan bacaan 70,000 kali tahlil telah dicatatkan oleh ramai ulama seperti Syeikh Ibn 'Arabi al-Hatimi dalam *al-Futuhat al-Makkiyyah*, Imam Syah Waliyullah ad-Dihlawi dalam *al-Qaulul Jamil*, al-'Allamah as-Sayyid Muhammad bin Jaafar al-Kattani dalam kitab *Syifa' al-Asqam*, Syaikhul-Hadith Maulana Zakariyya al-Kandahlawi dalam kitab *Fadhilat Zikir* dan lain-lain.


Syeikh Ibn Taimiyyah pernah ditanya tentang hadis: "Orang yang bertahlil 70,000 kali dan menghadiahkannya kepada si mati, maka ia akan menjadi kelepasan bagi si mati daripada api neraka", adakah hadis sahih atau bukan…? Jawabnya: "Jika seorang insan bertahlil demikian, 70,000 kali atau kurang atau lebih, dan menghadiahkannya kepada si mati, Allah akan memberikan manfaat kepadanya dengan sebab itu. Namun, ini bukan hadis sahih mahupun hadis daif. Wallahu a'lam." (*Majmu' al-Fatawa*, 24/ 323)

as-Solah wa as-Saum al-Masyhur ‘inda al-Ahnaf bagi Syeikh al-‘Allamah Muhammad Soleh Kamal, Syeikhul-‘Ulama’ di dalam negeri Makkah pada masa ini. Maka, sayugianya dihubungkan ini faedah dan asalnya *al-Wahbah al-Ilahiyyah*.

Telah selesai daripada terjemah ini pada 21 Zulhijjah tahun 1330 atas tangan hamba yang terjemahkan *al-Wahbah al-Ilahiyyah*. Wallahu a‘lam.

Tamm (tamat)

LAMPIRAN



٣٦٥

أنيله رساله

الوهبة الالهيه

في

بيان اسقاط ماعلى الميت من الحقوق والصيام والصلاة

فد بچارا قديه سمبهيڠ دان فواس دان لاين لاكي دترجمهكندي
درفد كتاب حنفي أرله كن العالم العلامة والحبر الفهامة الشيخ
محمد مختار بن عطارد الجاوي البتاوي البواقري يڠ برمقيم دالم
نكري مكة المشرفة يڠ مڠاجر فد مسجد الحرام
نفعنا الله تعالى بعلومه آمين

دان فدانتڽ اين رساله دسبوة براف حديث فدمپتاكن عتافه
كبرياكن مؤلف

(طبع بمطبعة)

مصطفى البابي الحلبي واولاده بمصر